

**Agama Semua Kaum Sewajarnya Dihormati -Syed Ali
Bernama
19 Julai, 2013**

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Rakyat Malaysia pelbagai kaum dan etnik harus saling menghormati agama serta adat resam masing-masing bagi mengelak berlakunya ketegangan dalam masyarakat, kata Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Seri Syed Ali Alahbshee.

Beliau berkata, apabila sesuatu kaum itu sengaja menghina atau mempermainkan kesucian dan kemuliaan agama tertentu sudah tentu akan menimbulkan kemarahan pihak berkenaan dan boleh berlakunya perbalahan kaum.

"Apabila kemuliaan Islam dihina dan dipermainkan oleh bukan Islam sedangkan Islam merupakan agama rasmi negara, sudah tentu akan membangkitkan kemarahan umat Islam di negara ini," uajrnya dalam laman www.umnobahagiancheras.blogspot.com

Justeru itu tegas beliau, semua pihak terutama generasi muda seharusnya berpegang kepada prinsip perlembagaan negara untuk menghormati agama dan budaya masing-masing.

Beliau berkata Islam merupakan agama rasmi negara yang dianuti oleh majoriti rakyat negara ini yang tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

"Sejarah sudah membuktikan bahawa Islam merupakan agama rasmi negara ini dan kesuciannya tetap akan dipertahankan oleh penganutnya walaupun apa yang bakal terjadi," tegas beliau.

Oleh sebab itu katanya, kegagalan pihak berkuasa untuk segera bertindak menangani sebarang kes yang membabitkan pelanggaran terhadap kesucian terhadap agama Islam akan mendapat tindak balas daripada umat Islam.

Beliau mengulas isu pasangan Alvin Tan dan Vivian Lee yang didakwa di Mahkamah Sesyen Khamis yang sebelum ini mendapat kecaman seluruh masyarakat Malaysia terutama orang Islam yang mempersendakan bulan Ramadhan dengan sup tulang babi.

Katanya, penghinaan dan penceraan yang dilakukan oleh pasangan tersebut ternyata diluar batas manusia normal dan sewajarnya dikenakan tindakan berat.

"Perlakuan Alvin dan Vivian satu contoh perbuatan yang amat jijik dan seharusnya dijadikan iktibar oleh generasi muda supaya tahu menghormati agama lain sejajar dengan semangat kenegaraan," katanya.

Menurut Syed Ali, seluruh umat Islam di negara ini telah terluka dengan perbuatan jahat pasangan tersebut dan hanya hukuman paling berat yang patut dikenakan keatas mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=964604>

